

Adakah menjejaskan kualiti *daie*?

Kemunculan banyak program realiti dakwah di televisyen

Oleh HASHNAN ABDULLAH

GERAKAN dakwah hari ini lebih bersifat terbuka. Ia tidak lagi dilihat sebagai satu hak eksklusif golongan tertentu seperti orang 'kaki surau' atau mereka yang berpenampilan berjubah dan berserban putih.

Keterbukaan itu sedikit sebanyak adalah hasil daripada kemunculan program-program realiti dakwah di kaca televisyen. Antaranya *Imam Muda*, *Pencetus Ummah*, *Ustazah Pilihan*, *Adik-adikku* dan *Daie*.

Hakikatnya, program seperti di atas ini telah memberi ruang serta pendedahan kepada golongan muda dan kanak-kanak untuk sama-sama bergiat cergas dalam dunia dakwah.

Begitu pun, keterbukaan tersebut dilihat bakal membawa kepada lambakan para daie atau pendakwah di negara ini.

Fenomena ini dibimbangi bakal menjejaskan kualiti para daie itu sendiri. Bahkan ia mungkin akan turut menutup peluang untuk mereka berdakwah selepas tamat program realiti tersebut.

Namun berbeza pula pandangan penceramah bebas, **Dr. Mohd. Sukki Othman**, yang menyifatkan lambakan tersebut sebenarnya ada manfaat kepada perkembangan Islam di negara ini.

"Biarlah ramai kerana orang jahil pun semakin hari semakin bertambah. Lagipun, dakwah bukan seperti bidang

pekerjaan lain kerana kerja-kerja agama ini melibatkan perkara dunia dan akhirat.

"Hendak mengajak orang berbuat baik, kita perlu lebih ramai pendakwah kerana masyarakat secara realitinya masih ramai yang tidak faham agama Islam yang sebenar," katanya yang juga Pensyarah Kanan bahasa Arab dan P'jaz al-Quran, di Universiti Putra Malaysia (UPM) ketika ditemui baru-baru ini.

Sebab itu Dr. Mohd. Sukki menegaskan bahawa kemunculan program realiti atau rancangan berbentuk agama yang semakin banyak di kaca televisyen itu sebagai satu perkembangan yang positif.

Malah tambahnya, ini kerana sudah nampak satu perkembangan positif apabila orang ramai sudah mula meminati serta mencari-cari program-program berbentuk keagamaan.

"Perkembangan itu amat penting kerana jika kita hanya disajikan dengan program hiburan, maka wujudlah masyarakat hiburan.

"Tetapi jika wujud program agama, maka akan wujud masyarakat yang teruja untuk mengetahui dan berusaha untuk memahami tentang agama, sekali gus melaksanakan tuntutan agama," katanya.

Pada masa yang sama, sebagai orang yang berpengalaman dalam bidang dakwah, Dr. Mohd. Sukki juga menyeru para daie agar bersikap ikhlas dalam kerja-kerja berdakwah.

Ini kerana terang beliau, tanpa sikap tersebut ia bukan hanya akan menyebabkan hilangnya keberkatan dalam berdakwah tetapi tidak mustahil



DR. MOHD. SUKKI OTHMAN



ISLAM perlu ramai *daie* bagi memastikan gerakan dakwah golongan sasaran dengan lebih berkesan. - Gambar hiasan





LAMBAKAN daie jadikan gerakan dakwah bersifat lebih terbuka.

akan berlakunya konflik sesama para daei.

“Sekiranya wujud sikap dengki sesama pendakwah, maknanya seseorang pendakwah yang telah menjadikan bidang dakwah sebagai teras atau sumber utama pendapatan akan jauh daripada keberkatan Ilahi. Itu yang kita tidak mahu berlaku, apa lagi apa yang dilakukan itu sebenarnya bertitik tolak kepada faktor rezeki semata-mata tetapi peranan berdakwah itu hakikatnya adalah tanggungjawab dan kewajipan setiap Muslim.

“Yang pastinya, orang yang bergiat dalam ilmu ini, Allah SWT telah memberi jaminan rezeki dan seharusnya mereka tidak perlu risau. Ini kerana ia dianggap sebagai satu kerugian besar apabila niat sudah berubah iaitu sebaik mereka meletakkan matlamat kewangan sebagai nombor satu dan dakwah pula diletakkan kemudian, walaupun dengan memberi pelbagai alasan,” tegasnya.

PENDAKWAH yang berwibawa mestilah mempunyai ilmu yang mantap. - Gambar hiasan

**INTERNET tidak
seharus menjadi
sumber utama ilmu
dakwah para daie.**

- Gambar hiasan

Jadilah pendakwah bertanggungjawab

GELARAN pendakwah atau *daie* nampak mudah tetapi sebenarnya penuh dengan tanggungjawab. Untuk dipanggil sebagai seorang pendakwah, bukanlah sesuatu yang sukar. Ini kerana sebaik sahaja kita memperoleh bahan-bahan yang bertepatan dengan syariat Islam, sama ada menerusi kitab-kitab agama, internet atau kuliah-kuliah keagamaan dan kemudian disebar kepada orang lain, itu sudah dianggap menyampaikan dakwah.

Secara tidak langsung, kita dapat pahala kerana ia sejajar dengan Firman Allah SWT yang bermaksud: *Dan hendaklah ada di antara kamu segolongan umat yang menyeru kepada kebajikan, menyuruh kepada yang makruf dan mencegah daripada yang mungkar. Merekalah orang-orang yang beruntung.* (Ali Imran: 104)

Begitu pun, tegas Pensyarah Kanan Bahasa Arab dan I'jaz al-Quran, Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr. Mohd. Sukki Othman, kaedah sebegini hanya sesuai untuk menyebarkan ilmu atau ajaran Islam yang bersifat umum sahaja.

Beliau berkata, ilmu agama yang bersifat umum adalah berkisar tentang perkara atau amalan yang bukan hanya sudah diketahui tetapi sering diamalkan oleh umat Islam.

"Antaranya tentang solat, menjaga aurat, puasa, amalan-amalan sunat, berbuat baik, membaca al-Quran dan banyak lagi. Kalau kita tengok pada konteks itu, semua orang boleh menjadi daie, kerana perkataan *daie* itu sendiri bermaksud mengajak ke arah kebaikan dan mencegah kemungkaran," katanya ketika ditemui di UPM, baru-baru ini.

Cuma dalam konteks mereka yang mahu menyampaikan ilmu agama yang khusus, maka ia memerlukan ilmu pengetahuan yang lengkap serta kepakaran tertentu bagi mengelakkan timbulnya kekeliruan dalam kalangan masyarakat, termasuklah bukan Islam.

Dengan kata lain, para *daie* atau pendakwah perlu berilmu kerana hanya dengan ilmu sahalalah, apa yang akan disampaikan itu adalah benar dan diiktiraf oleh ulama tersohor Islam lain. Sebagaimana yang ditegaskan oleh Allah SWT dengan firman-Nya yang bermaksud: *Allah SWT meninggikan orang-orang yang beriman di antara kamu dan orang-orang berilmu pengetahuan itu dengan beberapa darjat.*

Kata Mohd. Sukki lagi, apa yang menjadi masalah pada hari ini apabila ada para daie itu yang menggunakan bahan agama yang dipetik daripada

laman sosial seperti laman web, Facebook, Whatapps dan lain-lain medium yang tidak diketahui sumbernya yang kukuh dan jelas.

"Kita tidak boleh terus ambil petikan mengikut rasa sahaja. Ini kerana ada segelintir maklumat atau informasi itu telah diselewengkan atau disalahtafsirkan, ditambah pula dengan diri kita yang kurang menguasai ilmu tersebut. Hal sebegini adalah sesuatu perbuatan yang tidak bertanggungjawab dan kelak membawa kesan yang negatif.

"Maka itulah, setiap maklumat yang kita peroleh itu mestilah dipastikan terlebih dahulu kesahihan sumber rujukannya agar kita tidak terlibat sama mendapat dosa tanpa kita sedari. Berkongsi biarlah kepada informasi yang kita benar-benar pasti kesahihan dan kebenarannya adalah aspek penting dalam menyampaikan dakwah, seterusnya beroleh pahala," katanya.

Mohd. Sukki turut berpendapat sungguhpun kaedah berdakwah menerusi laman sosial adalah tidak salah tetapi biarlah terlebih dahulu dimantapkan ilmu di dada, agar sebarang persoalan yang berbangkit rentetan daripada status kita itu ada dasarnya yang kukuh dan sahih.

"Hendak berceramah cara begini tidak ada masalah. Ambil satu dua bahan dalam buku atau internet dan kemudian ulas. tetapi biarlah pandangan yang diajukan atau dikongsikan itu bermanfaat dan tidak sekali-kali diperkotak-katikan.

"Malahan tidak salah sekiranya kita hendak masukkan elemen hiburan untuk menarik orang untuk mendengar tetapi biarlah intipati ilmu itu wajib ada kerana tanpanya orang tidak berubah, tidak mendapat manfaat dan keberkatan pun tidak ada," katanya.

Sejajar dengan itu, para *daie* dalam konteks dakwah sedemikian perlu mahir dalam bahasa Arab kerana ia sumber utama ilmu syarak berikutan al-Quran diturunkan dalam bahasa tersebut.

Tidak hairanlah, buku atau kitab agama berkaitan dengan ilmu syarak yang dihasilkan oleh ulama tersohor dahulu adalah ditulis dalam bahasa Arab.

"Kalau adapun terjemahannya, ia hanya sedikit yang boleh diterima pakai manakala yang lain, maknanya agak lari. Jadi, kita kena rujuk sumber utama dan untuk itu, kita kena ada kemampuan untuk memahami bahasa asalnya dengan jelas," katanya Mohd. Sukki mengakhiri perbualan.